

## Pembelian topeng muka secara pukal tidak dibenarkan



Dr Wan Azizah pada sidang media di Putrajaya semalam.

**PUTRAJAYA** - Kerajaan tidak membenarkan sebarang pembelian topeng muka secara pukal untuk dihantar ke luar negara.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, ia bagi mengelak kekurangan bekalan stok produk tersebut.

“Kita mendapati ada yang ‘bertroli-troli’ ambil topeng muka untuk dihantar ke luar negara. Kerajaan tidak benarkan. Kita ada kuota.

“Penjual juga diarahkan untuk tidak menjual secara pukal

dan membuat kawalan sendiri.

“Kerajaan telah mengeluarkan surat kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN-HEP) berhubung arahan tersebut,” katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat khas peringkat tertinggi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) berhubung Kluster Penyakit Covid-19 di sini semalam.

Hadir sama, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah; Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Mohd

Azis Jamman; Menteri Komunikasi dan Multimedia, Gobind Singh Deo serta Ketua Pengarah Jabatan Imigresen, Datuk Khairul Dzaimiee Daud.

Dr Wan Azizah yang merupakan Pengerusi JPBP berkata, Kabinet menerusi Kementerian Dalam Negeri telah memutuskan untuk memberi kelonggaran pengambilan lebih ramai pekerja asing untuk penghasilan lebih banyak topeng muka.

“Apabila keperluan mendasak, pengilang perlu meningkatkan pengeluaran mereka,” katanya.